



**KEMENTERIAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(MINISTRY OF AGRICULTURE, FISHERIES AND FOOD INDUSTRY)**

Aras 7 & 8, Wisma Pertanian Sabah
Jalan Tasik, Luyang (Off Jalan Maktab Gaya)
Beg Berkunci No. 2049, 88624 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Tel.: 088-283654 Faks: 088-283655
E-mel: mafi@sabah.gov.my



Rujukan: MAFFI:100-32/4/
Tarikh : 2 September 2024

**Semua Syarikat Kontraktor Berdaftar dengan
Unit PUKONSA, Kementerian Kewangan Negeri Sabah**

Tuan/Puan,

**PELAWAAN UNTUK MENDAFTARKAN DATA SYARIKAT KONTRAKTOR BAGI
MENYERTAI PEROLEHAN KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN DI BAWAH
KEMENTERIAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN SABAH (MAFFI)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

- ... 2. Sukacita dimaklumkan bahawa Tuan/Puan adalah dipelawa untuk mendaftarkan maklumat Syarikat bagi tujuan menyertai perolehan kerja/bekalan/perkhidmatan yang dilaksanakan di bawah Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan Sabah. Bersama-sama surat ini, disertakan senarai dokumen **WAJIB** yang diperlukan seperti di **Lampiran A** untuk dilengkapkan oleh Tuan/Puan. Sila pastikan semua dokumen tersebut adalah lengkap sebelum diserahkan kepada pihak Kementerian.
3. Dokumen **WAJIB** tersebut hendaklah diserahkan semasa waktu pejabat sebelum atau selewat-lewatnya pada **30 Disember 2024 (Isnin)** ke alamat berikut:

**Seksyen Kejuruteraan, Pejabat Timbalan Setiausaha Tetap,
Kementerian Pertanian, Perikanan dan Industri Makanan,
Aras 8, Wisma Pertanian Sabah, Jalan Tasik Luyang,
88624 KOTA KINABALU, SABAH**

4. Tuan/Puan adalah diingatkan bahawa surat ini adalah untuk pelawaan sahaja dan **TIDAK** boleh dianggap sebagai suatu perjanjian atau komitmen mengikat daripada pihak Kerajaan. Di samping itu, pihak Kerajaan juga tidak akan membayar balik apa-apa perbelanjaan yang telah atau akan ditanggung oleh Syarikat Tuan/Puan dalam menjalankan sebarang kerja yang berkaitan.

Sekian dan terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

(DATUK LEONARD STEPHEN POYONG)
Setiausaha Tetap

LSP/mzfar

s.k. TSUT(T&I)
PSU(B)
Jurutera
Juruukur Bahan
PSU(T&I/AZAM) – En Calvin

} Untuk makluman Tuan/Puan

"SABAH MAJU JAYA"

PELAWAAN UNTUK MENDAFTARKAN DATA SYARIKAT KONTRAKTOR BAGI MENYERTAI PEROLEHAN KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN SABAH (MAFFI)

SENARAI DOKUMEN WAJIB YANG DIPERLUKAN BAGI TUJUAN MENYERTAI PEROLEHAN KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN YANG DILAKSANAKAN DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN SABAH (MAFFI)

BIL	PERKARA	TANDAKAN (I) JIKA TINDAKAN TELAH DIAMBIL	
		PETENDER	JAWATANKUASA PEMBUKAAN
SENARAI SEMAKAN DOKUMEN			
1	Profail Syarikat		
2	Salinan Lesen PUKONSA		
3	Salinan Lesen Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)		
4	Salinan Lesen Perniagaan		
5	Alamat Bank		
6	Salinan Penyata Kewangan (Terkini 3 bulan)		
7	Senarai Kerja / Kontrak Semasa		
8	Rekod Pengalaman Kerja Petender (Senarai Kerja Dalam Tempoh 5 Tahun Lepas)		

MAKLUMAN TAMBAHAN

- A. Dokumen **WAJIB** hendaklah dimasukkan ke dalam sampul dan dilabel dengan jelas pada sampul tersebut tajuk dokumen iaitu '**MAKLUMAT SYARIKAT UNTUK PEROLEHAN KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN YANG DILAKSANAKAN DI BAWAH KEMENTERIAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**' seperti di bawah: -

DOKUMEN WAJIB BAGI NAMA SYARIKAT: _____

**MAKLUMAT SYARIKAT UNTUK PEROLEHAN
KERJA/BEKALAN/PERKHIDMATAN YANG DILAKSANAKAN DI BAWAH
KEMENTERIAN PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

- B. Kegagalan petender mematuhi syarat ini boleh mengakibatkan dokumen petender **TIDAK DITERIMA**.

“SABAH MAJU JAYA”